

**Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Tunku Annuar
Bernama
Mei 21, 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Almarhum Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah atas kemangkatan baginda awal pagi tadi.

"Takziah kepada keluarga Tengku Bendahara Kedah, Tunku Annuar. Semoga roh Almarhum ditempatkan dalam golongan yang beriman. Al-Fatihah," kata Najib dalam catatan Twitter beliau Rabu.

Almarhum mangkat di Hospital Pantai Ipoh, Perak pada pukul 12.20 tengah malam. Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir mengumumkan tempoh perkabungan negeri itu selama tujuh hari bermula hari ini sehingga 27 Mei dan sepanjang tempoh itu, semua bentuk hiburan, keramaian serta perayaan dibatalkan.

Sebagai penghormatan ke atas kemangkatan Tunku Bendahara Kedah itu, hari ini diisytiharkan sebagai hari kelepasan am bagi seluruh negeri Kedah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040073>